



KENYATAAN AKHBAR

**Untuk Siaran Segera
29 November 2021**

ASN IMBANG 1 CATAT PULANGAN 6.92%

*Agih RM27.46 juta kepada lebih 44,000
pemegang unit*

- Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan untuk dana harga berubah, ASN Imbang (*Mixed Asset Balanced*) 1 (ASN Imbang 1) bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2021.
- ASN Imbang 1 mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 6.92%, mengatasi penanda arasnya sebanyak 7.13%. Dana tersebut membayar pengagihan pendapatan berjumlah RM27.46 juta yang bersamaan 2.74 sen seunit kepada 44,752 pemegang unit dengan pelaburan berjumlah 1.00 bilion unit.
- Urus niaga di semua cawangan dan ejen ASNB seluruh negara telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 26 hingga 30 November 2021 bagi memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh menyemak dan mengemas kini akaun mereka di portal myASNB (www.myasnb.com.my), melalui aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan dan ejen ASNB di seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula pada 1 Disember 2021.

Kuala Lumpur, 29 November 2021: Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB), syarikat pengurusan unit amanah milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB), hari ini mengumumkan pembayaran pengagihan pendapatan berjumlah RM27.46 juta untuk unit amanah harga berubah, ASN Imbang (*Mixed Asset Balanced*) 1 (ASN Imbang 1) bagi tahun kewangan berakhir 30 November 2021.

Setakat 26 November 2021, ASN Imbang 1 mencatatkan jumlah pulangan sebanyak 6.92%, mengatasi penanda aras 50% Indeks 100 Teratas FTSE Bursa Malaysia (FBM 100) dan 50% Deposit Tetap 12 Bulan Maybank sebanyak 7.13%.

Jumlah pengagihan pendapatan yang diisytiharkan adalah bersamaan 2.74 sen seunit yang memanfaatkan 44,752 pemegang unitnya dengan pelaburan berjumlah 1.00 bilion unit. Pengagihan ini adalah bersamaan hasil dividen sebanyak 2.85%, berdasarkan Nilai Aset Bersih

(NAB) terkini dana.

Dalam tempoh yang sama, ASN Imbang 1 mencatatkan pendapatan bersih direalisasi sebanyak RM31.20 juta, sebahagiannya didorong oleh strategi kepelbagaian pelaburan ke pasaran antarabangsa. Sehingga kini, dana ini memperuntukkan sekitar 21% daripada asetnya dalam ekuiti global yang menyumbang 61% kepada pendapatan kasar. PNB akan meneruskan momentum usaha mempelbagaikan portfolionya agar institusi ini dapat memberikan pulangan yang mampan kepada para pemegang unit.

Pengiraan pengagihan pendapatan bagi ASN Imbang 1 adalah berdasarkan unit yang dipegang dan NAB dana pada 26 November 2021. Pengagihan yang diisytiharkan akan dilaburkan semula secara automatik ke dalam akaun pemegang unit pada 1 Disember 2021.

Urus niaga di semua cawangan dan ejen ASNB untuk ASN Imbang 1 telah ditangguhkan buat sementara waktu dari 26 hingga 30 November 2021 bagi memudahkan pengiraan pengagihan pendapatan. Pemegang unit boleh menyemak dan mengemas kini akaun mereka di portal myASNB (www.myasnb.com.my), melalui aplikasi mudah alih myASNB, atau di mana-mana cawangan dan ejen ASNB di seluruh negara apabila urus niaga beroperasi semula pada 1 Disember 2021.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my.

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara. ASNB kini mengurus 16 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) melebihi 270 bilion dan lebih 14 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.asnb.com.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03 7730 8899.

ASN Imbang (*Mixed Asset Balanced*) 1 (ASN Imbang 1)

ASN Imbang 1 merupakan dana harga berubah yang dilancarkan pada 16 Oktober 2001. Ia adalah dana aset campuran yang sesuai untuk pelabur yang memahami risiko dan pulangan pelaburan, serta mencari pertumbuhan modal yang seimbang dalam tempoh jangka sederhana hingga panjang.

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad

PENGAGIHAN PENDAPATAN

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 30 NOVEMBER 2021

DANA HARGA BERUBAH



ASN Imbang 1

Jumlah Pulangan*

6.92%

Hasil Dividen*

2.85%

Nota: * Pengiraan Jumlah Pulangan dan Hasil Dividen adalah berdasarkan Nilai Aset Bersih (NAB) Dana pada 26 November 2021.

Prospektus Induk ASNB bertarikh 1 Februari 2020, Prospektus Induk Tambahan Pertama bertarikh 20 Oktober 2021, Prospektus ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 16 September 2020, Prospektus Tambahan Pertama ASN Imbang (Mixed Asset Balanced) 3 Global bertarikh 20 Oktober 2021 dan Prospektus ASN Equity Global bertarikh 1 September 2021 ("Prospektus"), telah didaftarkan dengan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Sila baca dan fahami kandungan Prospektus tersebut bersama Halaman Serlahan Produk yang terdapat di laman sesawang (www.asnb.com.my) cawangan dan ejen ASNB. Unit akan diterbitkan setelah penerimaan borang pendaftaran yang merujuk dan mengiringi Prospektus tersebut. Sebelum melabur, sila pertimbangkan risiko pelaburan serta yuran dan caj yang dikenakan. Harga unit dan pengagihan pendapatan, jika ada, mungkin turun dan/atau naik. Prestasi tabung masa lalu bukan jaminan prestasi masa hadapan.

Amanah Saham Nasional Berhad | 197901003200 (47457-V). Syarikat Unit Amanah Permodalan Nasional Berhad | 197801001190 (38218-X).